



27 Disember 2016
27 December 2016
P.U. (A) 367

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2016

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 3) 2016.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“orang yang layak” ertinya—

(a) Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa dalam—

(i) suatu bank Islam berlesen, tetapi tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen, di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];

(ii) suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

(iii) suatu bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; atau

(iv) suatu pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013,

yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia;

- (b) suatu bank Islam antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; atau
- (c) suatu pengendali takaful antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pengecualian

3. (1) Surat cara yang berikut yang berhubungan dengan perbankan Islam, aktiviti takaful dan pasaran modal Islam di bawah suatu skim untuk mempromosikan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia dikecualikan daripada duti setem:

- (a) surat cara bagi transaksi dalam mata wang selain ringgit yang berhubungan dengan aktiviti perbankan Islam atau takaful yang disempurnakan antara orang yang layak dengan—
 - (i) pelanggan pemastautin; atau
 - (ii) pelanggan bukan pemastautin;
- (b) surat cara yang berhubungan dengan penerbitan—
 - (i) bon Islam dalam ringgit; atau
 - (ii) bon Islam dalam mata wang asing.

(2) Pengecualian dalam subperenggan (1)(a) hendaklah terpakai bagi surat cara yang disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2017 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020.

(3) Pengecualian dalam subperenggan (1)(b) hendaklah terpakai bagi surat cara yang berhubungan dengan penerbitan bon yang diluluskan oleh Suruhanjaya